PENDAKWA RAYA lwn. CHEW SIEW LAN*

[Mahkamah Persekutuan (Raja Azlan Shah H.B. (Malaya), Abdoolcader dan Gunn Chit Tuan HH.) April 12, 1982]

[Pulau Pinang – Mahkamah Persekutuan Rujukan Jenayah No. 1/1982]

Undang-Undang Jenayah dan Acara Jenayah – Jaminan – Kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya, 1952 – Sama ada seksyen 388 Kanun Acara Jenayah mengatasi peruntukan seksyen 418 Akta Dadah Berbahaya – Akta Dadah Berbahaya, 1952, ss. 398 dan 418 – Kanun Acara Jenayah, s. 388.

Tafsiran – Generalibus specialia derogant – Peruntukan khas menyingkirkan peruntukan umum.

Di dalam kes ini seorang perempuan yang hamil telah dituduh dengan tuduhan mengedarkan 157.08 gram heroin suatu kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya, yang boleh membawa hukuman mati atau penjara seumur hidup. Yang Ariff Yang di Pertuan Mahkamah Sesyen telah membenarkannya mendapat jaminan dengan menggunakan proviso kepada seksyen 388(i) Kanun Acara Jenayah. Rayuan oleh Pendakwa Raya terhadap perintah memberi jaminan itu telah ditolak oleh Hakim Yang Ariff Mahkamah Tinggi yang memutuskan seksyen 41(B)(1) dan (2) Akta Dadah Merbahaya tidak mengatasi proviso kepada seksyen 388(1) Kanun Acara Jenayah – Lihat [1982] 1 M.L.J. 280. Kemudiannya dia telah merujukkan soalan-soalan berikut kepada Mahkamah Persekutuan: –

(i) Sama ada atau tidak seksyen 388 Kanun Acara Jenayah mengatasi peruntukan-peruntukan seksyen 41B Akta Dadah Berbahaya, 1952 (Akta 234);

(ii) Sekiranya jawapan kepada persoalan (1) di atas adalah secara negatif, sama ada betul atau tidak dalam undang-undang bahawa jaminan dibenarkan berkenaan dengan seorang yang dituduh di bawah seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya, 1952 (Akta 234).

Diputuskan: (1) peruntukan-peruntukan yang mengatur pemberian jaminan di bawah Akta Dadah Berbahaya mesti ditafsirkan dalam konteks Akta itu dan bukan dalam konteks Kanun Acara Jenayah dan setakat itu peruntukan-peruntukan Kanun Acara Jenayah mesti secara perlu mengalah kepada peruntukan-peruntukan khas dalam seksyen 41B Akta Dadah Berbahaya dalam perkara itu; (2) jawapan kepada soalan yang pertama mestilah oleh sebab itu secara jelas dalam negatif dan oleh kerana itu soalan kedua menjadi *non sequitur* (tidak perlu).

Kes yang dirujukkan:–

(1) *Public Prosecutor* v. *Chu Beow Hin* [1982] 1 MLJ 135, 137.

MAHKAMAH PERSEKUTUAN.

Sheik Daud bin Haji Mohamed Ismail, Penolong Pendakwa Raya, bagi pihak pemohon.

K. Kumarendran bagi pihak responden.

Raja Azlan Shah H.B. (memberi keputusan Mahkamah): Dalam kes ini persoalan-persoalan berikut telah dirujuk kepada kami di bawah seksyen 66 Akta Mahkamah Kehakiman, 1964:

i) Sama ada atau tidak seksyen 388 Kanun Acara Jenayah mengatasi peruntukan-peruntukan seksyen 41B Akta Dadah Berbahaya 1952 (Akta 234).

ii) Sekiranya jawapan kepada persoalan (i) di atas adalah secara negatif, sama ada betul atau tidak dalam undang-undang bahawa jaminan dibenarkan berkenaan dengan seorang yang dituduh di bawah seksyen 39B Akta Dadh Berbahaya 1952 (Akta 234).

Kami menjawab soalan pertama secara negatif dan yang kedua adalah oleh sebab itu non sequitur (tidak perlu).

Pada 26hb Mei, 1980 seorang perempuan yang hamil dan dijangka bersalin pada awal bulan Julai, 1980, telah dituduh dengan tuduhan mengedarkan 157.08 gram heroin, suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1) (a) dan boleh diseksa di bawah seksyen 39(B)(2) Akta Dadah Berbahaya, 1952. Kesalahan membawa hukuman mati atau penjara seumur hidup. Pada Jun 9, 1980 Yang Di Pertua Mahkamah Sesyen yang arif telah membenarkan jaminan sambil menunggu pembicaraan kes dengan menggunakan proviso kepada seksyen 388(i) Kanun Acara Jenayah yang membenarkan pemberian jaminan kepada mana-mana orang di bawah umur 16 tahun atau mana-mana perempuan atau mana orang yang uzur atau sakit yang dituduh dengan suatu kesalahan takbolehjamin yang membawa hukuman penjara seumur hidup atau hukuman mati sebagai suatu penalti.

Atas rayuan Pendakwa Raya terhadap perintah yang dibuat membenarkan jaminan hakim yang arif menolaknya dengan mengatakan seksyen 41B (1) dan (1) Akta Dadah Berbahaya tidak mengatasi proviso kepada Seksyen 388(i) Kanun Acara Jenayah. Beliau nampaknya berpendapat seksyen 41B Akta itu sepatutnya tidak dibaca sebagai mempunyai kesan mengganggu budibicara untuk membenarkan jaminan di bawah peruntukan-peruntukan Kanun Acara Jenayah dalam kes-kes yang diliputi oleh proviso kepada seksyen 388(i). Seksyen 41B(1) Akta Dadah Berbahaya memperuntukkan:

---

* Dialihbahasa dari [1982] 2 M.L.J. 119 oleh Puan Mimi Kamariah binte Abdul Majid, LL.B. (Malaya), LL.M. (Monash) Pensyarah, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya.

"(1) Jaminan hendaklah tidak dibenarkan kepada seorang tertuduh yang dituduh dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini -

(a) di mana kesalahan boleh diseksa dengan hukuman mati; atau

(b) di mana kesalahan boleh diseksa dengan hukuman penjara lebih dari lima tahun; atau

(c) di mana kesalahan boleh diseksa dengan hukuman penjara selama lima tahun atau ke bawah dan Pendakwa Raya mengesahkan secara bertulis bahawa adalah bertentangan kepentingan awam untuk membenarkan jaminan kepada tertuduh itu.

(2) Peruntukan dalam subseksyen (1) hendaklah berkuatkuasa dengan tidak menghiraukan mana-mana undang-undang bertulis atau mana-mana kaedah undang-undang sebaliknya."

Kanun Acara Jenayah (N.M.B. Bab 6) yang berkuatkuasa pada 1.1.1927 adalah suatu enakmen yang mengatur tindakan jenayah secara umum di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dahulu. Ianya telah dipinda dan diperluaskan kepada seluruh Malaysia oleh Akta Kanun Acara Jenayah (Pindaan dan Perluasan), 1976 pada 10.1.1976. Tidak boleh dinafikan bahawa ianya adalah undang-undang bertulis dalam pengertian yang diberi dalam seksyen 2 Akta Tafsiran, 1967.

Akta Dadah Berbahaya 1952 (Disemak – 1980) ialah suatu Akta yang dibentuk khususnya untuk mengatur pengimportan, pengeksportan, pengusahaan, penjualan dan penggunaan, di antara lain, dadah berbahaya, dan "untuk membuat peruntukan khas berkenaan dengan bidang-kuasa Mahkamah mengenai kesalahan di bawahnya dan pembicarannya, dan untuk tujuan-tujuan bersangkutan dengannya." Dengan perkataan lain Akta itu adalah pada hakikatnya suatu undang-undang khas yang diluluskan oleh Parlimen yang mengurangkan hak-hak seseorang bersangkutan dengan pemberian jaminan dalam kes yang dalam keadaan lain adalah kes biasa. Kami seterusnya memperhatikan bahawa seksyen 41B Akta itu ialah suatu seksyen yang seluruhnya baru yang diperkenalkan oleh Akta Dadah Berbahaya (Pindaan), 1978 (Akta A426) dan mula berkuatkuasa pada 10.3.1978. *Generalibus specialia derogant* ialah suatu prinsip utama dalam pentafsiran. Ianya bermakna di mana ada peruntukan khas yang dibuat dalam suatu statut khas, peruntukan khas itu menyingkirkan penguatkuasaan suatu peruntukan umum dalam undang-undang umum. (Lihat juga *Public Prosecutor* lwn. *Chua Beow Hin*[1]. Peruntukan-Peruntukan seksyen 3 Kanun Acara Jenayah yang peguam untuk responden mencuba mengguna tidak ada kaitan langsung dengan perkara di hadapan kami.

Akan menjadi silapfaham untuk memakai ungkapan-ungkapan yang digunakan dan peruntukan-peruntukan yang dibuat dalam satu statut kepada yang lain dan satu yang pada keseluruhannya berlainan tanpa menghiraukan syarat-syarat jelas dalam statut yang terkemudian tadi memandangkan tujuan dan matlamatnya yang khas. Sebaliknya, adalah suatu prinsip pentafsiran statut yang baik dan memang terkenal bahawa tujuan perkataan-perkataan dan ungkapan-ungkapan yang digunakan dalam suatu bentuk perundangan mesti mengambil makna dari konteks dalam mana ianya berada. Oleh itu kami tidak bersetuju dengan hakim yang arif bahawa adalah terpulang kepada mahkamah untuk membuat peruntukan-peruntukan jelas berkenaan dengan jaminan dalam seksyen 41B Akta Dadah Berbahaya tertakluk kepada peruntukan-peruntukan berkenaan dengan itu dalam Kanun Acara Jenayah. Peruntukan-peruntukan yang mengatur pemberian jaminan di bawah Akta Dadah Berbahaya mesti ditafsirkan dalam konteks Akta itu dan bukan dalam konteks Kanun Acara Jenayah dan setakat itu peruntukan-peruntukan Kanun Acara Jenayah mesti secara perlu mengalah kepada peruntukan-peruntukan khas dalam seksyen 41B Akta Dadah Berbahaya. Kami patut juga memperhatikan secara kebetulan bahawa mana-mana pentafsiran yang lain akan mengakibatkan pembatalan tujuan dan kesan peruntukan-peruntukan dalam seksyen 41B(1)(c) Akta Dadah Berbahaya dan menjadikan tidak berguna dan tidak berkesan suatu sijil Pendakwa Raya bahawa tidak dalam kepentingan awam untuk membenarkan jaminan kepada seseorang yang dituduh dengan kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya yang boleh diseksa dengan hukuman penjara selama lima tahun atau kurang daripada itu.

Jawapan kepada soalan yang pertama mesti oleh sebab itu secara jelas dalam negatif dan kami memutuskan sebegitu di akhir perbahasan rujukan ini.

Perintah berikutan.